

0660

R 8098 BAH

PEMIMPIN

RAUB, 29 JULAI (BERNAMA) -- MENTERI BESAR PAHANG DATUK SERI MAJIB TUN, RAZAK MENYIFATKAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI TOKOH TANAH AIR MASA KINI YANG ULUNG YANG TIDAK DAPAT DITANDINGI OLEH MANA-MANA PEMIMPIN PEMBANGKANG

KETOKOHAN DAN KEWIBAWAAN PERDANA MENTERI TIDAK ADA BANDINGANNYA, KATA BELIAU PADA MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH SECARA PENSWASTAAN DI BUKIT KOMAN, DEKAT SINI, HARI INI.

DATUK NAJIB, YANG BERTANDING DI KAWASAN PARLIMEN PEKAN, SETERUSNYA MENDEDAHKAN BEBERAPA DAKYAH KEDUA-DUA PARTI PEMBANGKANG DI PAHANG YANG MENUNJUKKAN KECETEKAN PEMIKIRAN PUCUK PEMIMPIN MEREKA.

PAS, KATA DATUK NAJIB, MEMPUYAI DEFINISI BERLAINAN MENGENAI LAMBANG MEREKA -- BULAN PENUH -- KEPADA MASYARAKAT ISLAM IA MELAMBANGKAN KEAGUNGAN ISLAM MANAKALA KEPADA BUKAN ISLAM IA +BOLA PING PONG+, SALAH SATU SUKAN YANG DIGEMARI OLEH MASYARAKAT CINA. -- LAGI.

1914MST 29 07 86

R B100 BAH

PEMIMPIN 2 RAUB

KATANYA DAP PULA MENDAKWA KERAJAAN NEGERI TELAH MENGALAMI KERUGIAN \$44 JUTA TAHUN LEPAS.

MENTERI BESAR BERKATA TIDAKLAH BENAR KERAJAAN MENGALAMI KERUGIAN SEUMPAMA ITU KERANA KERAJAAN NEGERI BUKANNYA SYARIKAT YANG ADA UNTUNG RUGI.

YANG BERLAKU IALAH PERBELANJAAN MELEBIHI PENDAPATAN, SATU AMALAN BIASA.

KATANYA, 580 UNIT RUMAH KOS RENDAH DI BUKIT KOMAN DAPAT MENAMPUNG KEPERLUAN PENDUDUK SETEMPAT. -- BERNAMA.

1918MST 29 07 86